

UASA EKSTRA

Bahagian A

Tatabahasa

Kata Majmuk, Ayat Susunan Biasa, Ayat Susunan Songsang, dan Jenis-jenis Ayat

Soalan 1 – 6

Tema 9: Integriti

Buku Teks: m.s. 196, 202, 206

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Adli mendapat keputusan yang cemerlang dalam _____ Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
A mata ilmu
B mata hati
C mata pelajaran
D mata pendidikan

2. _____ syarikat penerbitan itu menikmati cuti selama tiga hari semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.
A Olahraga
B Kakitangan
C Suruhanjaya
D Jawatankuasa

3. Hakimi mengulang kaji pelajaran dengan berpandukan _____ yang baru dibelinya.
A buku lima
B buku catatan
C buku rujukan
D buku kedatangan

4. Kita hendaklah _____ antara satu sama lain supaya dapat hidup dengan aman dan sentosa.
A bertemu bual
B bertolak ansur
C bergurau senda
D berumah tangga

5. Encik Hasmadi membaca _____ setiap hari untuk mendapatkan berita semasa di dalam dan luar negara.
A peta minda
B buku cerita
C surat khabar
D majalah sukan

6. Pemberita itu telah _____ pegawai pencegah rasuah untuk mengetahui kes tersebut dengan lebih lanjut.
A menguji kaji
B menemu bual
C menemu duga
D menyoal siasat



Soalan 7 – 10

Pilih ayat yang betul.

7. A Aduh, cantiknya bangunan baharu itu!
B Penerangan yang diberikan tadi sangat jelas sungguh.
C Semua murid-murid berkumpul di tapak perhimpunan.
D Ayah bertanya kepada Amirul tentang sebab dia bersedih.
8. A Adik, tolong ambil kakak sehelai tuala.
B Pemuda itu dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup.
C Mengapakah banyak pihak yang kagum akan murid itu?
D Di hadapan rumahnya ada berapa longgok pasir.
9. A Kabinet dapur itu diperbuat dari kayu jati.
B Peserta-peserta pidato itu hebat-hebat belaka.
C Kami yakin bahawa dia akan berjaya dalam pertandingan ini.
D Cikgu Azhan menceritakan tentang penjajahan Tanah Melayu.
10. A Rumah yang besar itu Datuk Musa miliki.
B Semua batu itu telah mereka angkat tadi.
C Encik Zulkifli agak garang tetapi baik hati.
D Pokok bunga ini kami telah tanam semalam.

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Teks Tunggal

Tema 9: Integriti

Buku Teks: m.s. 189 – 210

Soalan 1 – 3

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aireen pulang dari sekolah. Semasa berjalan, tiba-tiba dia ternampak sebuah dompet terjatuh dari beg tangan seorang wanita ketika wanita itu mengeluarkan telefon bimbitnya. Wanita itu tidak sedar bahawa dompetnya telah tercicir.

Tanpa berlengah, Aireen berlari untuk mengambil dompet tersebut. Dia tidak berani membuka dompet itu. Aireen kemudiannya berteriak tetapi wanita itu tidak mendengar panggilannya. Aireen terus berlari ke arah wanita tersebut. Mujurlah Aireen sempat mengejarnya sebelum dia menaiki keretanya. Aireen pun menghulurkan dompet yang dipegangnya. Pada mulanya, wanita itu tercengang. Dia kemudian membuka beg tangannya. Setelah menyedari dompetnya tiada, dia pun mengambil dompet pada tangan Aireen dengan gembiranya.

Wanita itu berterima kasih kepada Aireen. Wanita itu memberikan wang bernilai RM50.00 kepada Aireen, namun Aireen menolaknya. Wanita itu memuji sikap Aireen yang baik hati.



Bahagian

B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Tema 8: Ekonomi, Keusahawanan, dan Pengurusan Kewangan

Buku Teks: m.s. 167 – 188

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini Azrul ke sekolah lebih awal kerana dia dan rakan-rakannya akan membantu guru membuka gerai jualan bersempena dengan Hari Usahawan Muda. Azrul dan rakan-rakannya menyusun makanan dan minuman yang hendak dijual di atas meja. Cikgu Hasmah memuji Azrul dan rakan-rakannya kerana kerajinan mereka. Selain itu, mereka ramah melayan pengunjung yang datang.

Banyak pelanggan datang ke gerai mereka kerana gerai mereka bersih dan menarik. Pengunjung juga memuji keenakan makanan yang dijual oleh mereka. Walaupun penat, Azrul dan rakan-rakannya berpuas hati kerana mendapat maklum balas yang baik daripada pelanggan. Hasil jualan mereka pada hari itu akan disumbangkan kepada tabung pihak sekolah.

- I. (a) Azrul dan rakan-rakannya membuka gerai pada _____.
[1 markah]

- (b) Apakah yang dijual oleh Azrul dan rakan-rakannya?

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata hubung yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Banyak pelanggan datang ke gerai mereka kerana gerai mereka bersih dan menarik.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Hasil jualan mereka pada hari itu akan disumbangkan kepada tabung pihak sekolah.

Mereka akan menyumbangkan hasil jualan mereka kepada tabung pihak sekolah.	
--	--

Pihak sekolah akan menyumbangkan hasil jualan kepada mereka.	
--	--

[1 markah]

Respons Kritis dan Kreatif

Tema 5: Kebudayaan, Kesenian, dan Estetika

Buku Teks: m.s. 97 – 118

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu telah terpilih sebagai peserta yang layak ke peringkat akhir Pertandingan Deklamasi Sajak Bersempena dengan Bulan Kemerdekaan. Kostum dan peralatan yang digunakan turut menyumbangkan markah yang tinggi dalam borang markah. Kamu berazam untuk menjuarai pertandingan tersebut.

Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?